

'Penyebarkan fitnah umpama beruk sarkas goncang pokok'

UM - 7/8/2006

Oleh FAUZIAH AROF

KLANG 6 Ogos - "Kalau tiada angin, masakan pokok boleh bergoyang".

Itulah peribahasa yang masih kedengaran ditujukan kepada Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin walaupun beliau telah menafikan dakwaan berkahwin dengan pelakon, Maya Karin.

Menurut beliau, masih ada pihak yang tidak percaya bahawa beliau tidak berkahwin dengan Maya walaupun telah memberi penjelasan secara terbuka semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, kelmarin.

"Ada seorang teman memberitahu saya, isterinya tidak percaya dengan penafian itu kerana katanya kalau tiada angin, masakan pokok boleh bergoyang.

"Bagaimanapun, dalam keadaan sekarang ini, peribahasa seperti itu tidak boleh digunakan kerana jika ada orang yang goncang pokok itu daripada bawah, tentulah bergoyang dan kalau yang goncang itu berukpun, tentu bergoyang juga.

"Jadi yang goyang pokok itu (sebarakan fitnah), saya ibaratkan seperti beruk, beruk sarkas," katanya sambil menyambut gelak ketawa perwakilan ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Klang, di sini malam

Ada seorang teman memberitahu saya, isterinya tidak percaya dengan penafian itu kerana katanya kalau tiada angin, masakan pokok boleh bergoyang

KHAIRY JAMALUDDIN
Naib Ketua
Pergerakan
Pemuda UMNO

tadi.

Sambil berseloroh beliau menambah: "Saya tidak teringin berkahwin dengan pontianak."

Bagaimanapun kata-kata itu disambut oleh salah seorang perwakilan yang berkata, walaupun pontianak tetapi pontianak itu cantik dan dewan sekali lagi gamat dengan gelak ketawa.

Maya pelakon utama filem *Pontianak Harum Sundal Malam 1* dan *2*.

Peribadi

Khairy berkata, beliau amat kesal dengan fitnah itu kerana ia membabitkan rumahtangganya dan menegaskan beliau tidak suka memberi penjelasan secara terbuka mengenai peribadi, apatah lagi soal rumahtangganya.

"Bayangkan, saya terpaksa beri penjelasan mengenai rumahtangga saya dalam forum UMNO," katanya.

Khairy menambah, beliau dan isterinya Nori mahu bersama-sama UMNO memberi sumbangan menguatkan parti.

Bagaimanapun, katanya, ada pihak yang tidak puas hati dan menfitnah

mereka dengan pelbagai tuduhan sehingga mengaitkan hal-hal peribadi.

Katanya, sudah dua tahun beliau di-asak bertubi-tubi dengan pelbagai fitnah dan sehingga kini fitnah itu masih berterusan.

"Apa salah kami? Salahkah atau tidak bolehkah kami (walaupun anak dan menantu Perdana Menteri) memberi sumbangan kepada parti?. Apa pula sumbangan 'beruk sarkas' ini kepada parti?," soalnya.

Menurut Khairy, sebagai menantu kepada Perdana Menteri, beliau boleh berfoya-foya atau duduk goyang kaki di rumah dan tidak memikirkan masalah negara melainkan keluarga dan diri sendiri.

"Tetapi kami pilih untuk bersama-sama berjuang dalam parti untuk kepentingan orang Melayu dan membangunkan negara," katanya.

Sehubungan itu, katanya, sekiranya dirinya menjadi beban kepada parti, beliau sedia berundur diri kerana baginya institusi UMNO lebih penting daripada individu.

"Saya belajar banyak daripada bapa mentua saya, beliau selalu berkata, ber-



KHAIRY JAMALUDDIN

cakap benarlah walaupun kebenaran itu amat pahit untuk diterima," ujarnya.